



7 Ogos 2014  
Notis Pemberitahuan  
Bil. 5/2014Sem.1

**CETAKAN DAN PENGELUARAN SIJIL LESEN, LAMPIRAN A DAN LAMPIRAN 1  
YANG TELAH DILULUSKAN OLEH SETIAUSAHA EKSEKUTIF  
LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM  
DI BAWAH AKTA PERLESENAN TENAGA ATOM 1984 (AKTA 304)  
MELALUI SISTEM ATAS TALIAN eLesen-eSPP**

**TUJUAN**

1. Tujuan Notis Pemberitahuan ini adalah untuk memaklumkan pemegang lesen mengenai cetakan dan pengeluaran Sijil Lesen, Lampiran A dan Lampiran 1 yang telah diluluskan oleh Setiausaha Eksekutif Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (Lembaga) di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) melalui sistem atas talian iaitu Sistem Perlesenan dan Penguatkuasaan (eLesen-eSPP).

**LATARBELAKANG**

2. Sistem atas talian eLesen-eSPP dibangunkan bagi membolehkan permohonan dan penilaian secara atas talian dilaksanakan yang merangkumi permohonan lesen, pendaftaran, kebenaran, pengiktirafan, peperiksaan serta lain-lain pengawalan kepada pemegang lesen yang bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan. Melalui penggunaan eLesen-eSPP, proses permohonan, penilaian serta pengeluaran lesen dan lain-lain kebenaran dapat dilakukan dengan lebih mudah, pantas dan berkesan.

3. Peraturan 13(1) Peraturan-peraturan Perlindungan Sinaran (Perlesenan) 1986 [P.U.(A)149/1986] menetapkan bahawa sesiapa yang bermaksud hendak mendapatkan lesen yang dikelaskan di bawah Kelas A atau Kelas B (selain daripada lesen mengenai

pengilangan bahan-bahan yang mengandungi atau yang berkaitan dengan bahan-bahan radioaktif atau bahan-bahan nuklear atau mengenai sesuatu kemudahan rawatan sisa), atau di bawah Kelas C, Kelas D, Kelas E atau Kelas G, hendaklah **memenuhkan**, **menandatangani** dan **mengembalikan** borang permohonan sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Keempat, bersama dengan fee permohonan, kepada Lembaga. Berikutan pelaksanaan permohonan lesen secara atas talian ini, permohonan lesen yang diterima akan tidak lagi mematuhi kehendak Peraturan 13(1) P.U.(A)149/1986 ini kerana pengesahan permohonan hanya dibuat secara atas talian.

4. Memandangkan permohonan lesen secara atas talian tidak memenuhi kehendak di bawah Peraturan 13(1) P.U.(A)149/1986, maka Akta Aktiviti Kerajaan Elektronik 2007 (Akta 680) dan Akta Tandatangan Digital hendaklah diterimapakai penggunaannya, bagi membolehkan urusan melalui penggunaan cara elektronik, agar kehendak perundangan tersebut dipenuhi. Sehubungan dengan itu, selaras dengan kehendak Seksyen 6 Akta 680, bagi tujuan pemakaian Akta 680 dalam melaksanakan Akta 304, Peraturan 13(1)P.U.(A)149/1986 telah ditetapkan di bawah Akta 680. Melalui penetapan ini, keseluruhan Akta 680 terpakai kepada P.U.(A)149/1986. Walau bagaimanapun, ia tidak menghalang permohonan lesen dibuat secara manual kerana penggunaan atas talian bukan sesuatu yang mandatori sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 3 Akta 680.

5. Akta 680 adalah suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi memberi pengiktirafan undang-undang kepada mesej elektronik dalam urusan antara Kerajaan dengan orang awam dan memudahkan urusan itu melalui penggunaan cara elektronik. Seksyen 4 Akta 680 memperuntukkan bahawa pemakaian Akta 680 hendaklah sebagai tambahan dan tanpa menjejaskan mana-mana undang-undang bertulis lain yang mengawalselia urusan antara Kerajaan dengan orang awam.

## **ARAHAN AELB**

6. Permohonan lesen yang lengkap yang diterima secara atas talian akan diproses oleh AELB secara berkomputer dan status aliran proses permohonan lesen akan dapat

diketahui oleh pemohon melalui sistem eLesen-eSPP. Apabila tiba di peringkat akhir, status permohonan diketahui telah diluluskan apabila Setiausaha Eksekutif Lembaga telah menurunkan tandatangan pada Sijil Lesen. Berdasarkan kepada prosedur sedia ada, Sijil Lesen ini akan dicetak bersama-sama Lampiran A dan Lampiran 1 yang kemudiannya dipos kepada pemohon.

7. Selaras dengan hasrat untuk meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan, AELB telah memutuskan dan membuat arahan bahawa **Sijil Lesen, Lampiran A dan Lampiran 1 tidak lagi akan dicetak, dikeluarkan dan dihantar** kepada pemohon atau pemegang lesen setelah lesen diluluskan. Bagi memudahkan proses pemeriksaan oleh AELB, pemegang lesen hendaklah mencetak sendiri Sijil Lesen, Lampiran A dan Lampiran 1 menerusi sistem eLesen-eSPP dan mempamerkannya berhampiran dengan lokasi bahan atau radas penyinaran.

## **PENGUATKUASAAN ARAHAN**

8. Keputusan dan arahan ini adalah berkuatkuasa **serta merta**.

## **PENUTUP**

9. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai Notis Pemberitahuan ini, sila berhubung dengan AELB menggunakan alamat di bawah.

### **Pengarah Bahagian Dasar, Kod dan Standard**

Lembaga Perlesenan Tenaga Atom

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil, Selangor

Tel: +603-89225888 Faks: +603-89223685

Emel: pbs@aelb.gov.my

Laman Web: www.aelb.gov.my